

# MODEL GURU BERKUALITI DARI PERSPEKTIF TOKOH PENDIDIKAN ISLAM DAN BARAT

Kamarul Azmi Jasmi  
Noor Fadhlina Nawawi  
Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

## Suggested Citation:

Jasmi, K. A. & Nawawi, N. F. (2012). Model Guru Berkualiti dari Perspektif Tokoh Pendidikan Islam dan Barat in *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])* at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 233-238. ISBN 99917-44-89-4.

## ABSTRACT

Guru berkualiti merupakan aspek yang menjadi perbincangan dan kajian oleh banyak pengkaji dalam bidang Pendidikan Islam. Tujuan mereka supaya kualiti diri guru dapat difahami dan dihayati seterusnya dipraktikan dalam kehidupan seorang guru yang berkualiti. Kertas kerja ini cuba membincangkan secara terperinci model guru berkualiti seperti yang telah dibincangkan oleh tokoh Pendidikan Islam dan Pendidikan Barat yang terdiri daripada Imam al-Ghazali (t.th), Kamarul Azmi Jasmi (2010), Abdull Sukor Shaari (2008), Dunkin dan Biddle (1974), dan Shulman (1986).

## REFERENCES

- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi. 2010. Isu Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (pnyt). dalam *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi, UKM.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaludin, Zamri Abdul Rahim, Khadijah Abdul Razak. 2004. *Reberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan: UKM.
- Abdul Halim al-Muhammadi. 1991. *Falsafah Pendidikan Islam: Satu Perspektif Baru Dalam Pendidikan Islam Peranan Dalam Pembangunan Ummah*. Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah.
- Abdull Sukor Shaari. 2008, *Guru Berkesan Petua dan Panduan*, Sintok, penerbit UUM.
- Ahmad Mohd Salleh, 2008, *Pengajian Agama Islam & J-Qaf Metodologi Dan Pedagogi Pendidikan*, Selangor: Oxford Fajar.
- Ahmad Yunus Kasi dan Ab. Halim Tamuri. 2010. Pengetahuan pedagogical kandungan (PPK) pengajaran akidah: kajian kes guru cemerlang pendidikan islam. *Journal of Islamic & Arabic education* 2 (2): 13-30
- Al- Ghazali imam Abu Hamid, t.th. *Ihya' ulum al- din*. Jil. 1-8. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- Dunkin M. J. dan Biddle B. J. 1974. *The Study of Teaching* New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Kamaruddin Hussin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2003. *Pedagogi Untuk Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md. Saleh. 2007. *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2009. *Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar*. Jurnal Teknologi 51(E): 57- 71.

- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. *Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. *Journal of Islamic & Arabic Education* 3 (1), 59-74.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Lucas S. G. dan Bernstein D. A. 2005. *Teaching Psychology A Step By Step Guide*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying dan Wong Kiet Wah 2010. *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru (Siri Pendidikan Guru)*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Shulman L. S. 1987. *Knowledge and Teaching: Foundation of The New Reform*. Harvard Educational Review.
- Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Miskon. 2010. *Guru Dan Cabaran Semasa*. Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab Halim Tamuri, Isahak Othaman, Mohd Sabri Mamat 2009. *Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM*, *Journal Of Islamic And Arabic Education* 1 (2), 31-50.

# MODEL GURU BERKUALITI DARI PERSPEKTIF TOKOH PENDIDIKAN ISLAM DAN BARAT

Kamarul Azmi Jas mi  
Noor Fadhlina Nawawi

## Abstrak

Guru berkualiti merupakan aspek yang menjadi perbincangan dan kajian oleh banyak pengkaji dalam bidang Pendidikan Islam. Tujuan mereka supaya kualiti diri guru dapat difahami dan dihayati seterusnya dipraktikkan dalam kehidupan seorang guru yang berkualiti. Kertas kerja ini cuba membincangkan secara terperinci model guru berkualiti seperti yang telah dibincangkan oleh tokoh Pendidikan Islam dan Pendidikan Barat yang terdiri daripada Imam al-Ghazali (t.th), Kamarul Azmi Jasmi (2010), Abdull Sukor Shaari (2008), Dunkin dan Biddle (1974), dan Shulman (1986).

Kata Kunci: Model Guru, Guru Berkualiti.


## PENGENALAN

Pembangunan pendidikan berkualiti dan bertaraf dunia merupakan agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), maka berdasarkan agenda penting ini guru merupakan golongan yang terlibat secara langsung untuk melaksanakan daya usaha dan pendekatan pengajaran untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan memastikan hasil pembelajaran yang maksimum diperolehi pelajar di sekolah. Hal ini kerana pendidikan yang terancang dan teratur serta berkualiti pula hanya boleh terhasil apabila penggerak kepada pembangunan pendidikan itu, iaitu guru berada pada tahap yang tinggi profesionalismenya dan berkesan. Hal ini bermaksud bahawa pendidikan itu sendiri tidak dapat dibangunkan dan dikembangkan tanpa mempunyai guru-guru yang cemerlang dan berkualiti (Ahmad Mohd Salleh, 2008; Noriati *et al.*, 2010; Kamaruddin Hussin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2003). Guru-guru inilah yang menjadi pemangkin kepada keberkesanan sesuatu pendidikan yang seterusnya mampu melahirkan insan yang cemerlang dari segenap sudut.

## MODEL ISLAM

Dalam kitab *Ihya 'Ulum Ad din* hasil tulisan Imam al-Ghazali (t.th) telah menghasilkan satu model guru cemerlang dan berkesan. Model guru cemerlang ini menitik beratkan beberapa aspek penting yang menjadi asas kepada ciri guru cemerlang. Antara aspek yang digariskan oleh beliau ialah seorang guru itu mempunyai rasa simpati dan kasih sayang kepada pelajar dan menganggap serta melayani mereka seperti anaknya sendiri di samping mengikuti tingkah laku dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. dan tidak meminta ganjaran atau imbuhan atas perkhidmatan yang diberikannya. Selain itu juga, ciri guru cemerlang yang digariskan juga ialah tidak menasihati atau membenarkan pelajarinya melaksanakan sesuatu tugas kecuali guru itu benar-benar terlatih dan berpengetahuan tentang perkara tersebut. Menasihati pelajar-pelajarnya agar meninggalkan

kelakuan buruk secara lembut dan berhemah serta tidak sesekali merendahkan disiplin ilmu yang lain dihadapan pelajarnya disamping menghadkan pembelajaran bersesuaian dengan tahap kefahaman pelajar serta menyediakan bahan pembelajaran yang mudah difahami, jelas dan bersesuaian dengan tahap perkembangan akal pelajar merupakan juga antara ciri guru cemerlang yang digariskan oleh beliau. Secara keseluruhannya model guru cemerlang ini dapat dilihat dalam Rajah 1




Rajah 1 Guru cemerlang menurut al-Ghazali

Berdasarkan model guru ini dapatlah difahami bahawa, ketakwaan dan hubungan dengan Allah S .W.T. merupakan asas utama sebagai seorang pendidik yang ingin membentuk tingkah- laku anak-anak pelajar. Bertitik tolak dari keimanan yang mantap dan utuh akan melahirkan keperibadian yang murni dan mulia yang perlu dimiliki oleh setiap komunikasi juga diperlukan oleh guru selain memiliki ilmu pengetahuan dari segi ilmu agama dan juga isi pelajaran yang ingin disampaikan kepada pelajar.

Manakala Rajah 1.2 menunjukkan model guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) hasil daripada kajian yang telah dijalankan oleh Kamarul Azmi Jas mi (2010) mengenai guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI). Model GCPI ini sangat bermanfaat sebagai panduan kepada GPI dalam usaha mempertingkatkan kualiti pengajaran dan diri serta dalam usaha melahirkan pelajar yang cemerlang dan bermotivasi.

Secara keseluruhannya, model guru cemerlang Pendidikan Islam ini terhasil daripada beberapa aspek penting yang perlu wujud dan dipraktikkan oleh guru iaitu aspek pengajaran dan pembelajaran (P&P), keperibadian dan kemahiran. Justeru, seseorang guru yang berkesan dan berkualiti seharusnya menitik beratkan penerapan visi dan misi Pendidikan Islam selain persediaan P&P, set induksi, pendekatan dan perlaksanaan, pengurusan kelas, BBM dan penilaian serta penutup yang merupakan elemen penting dalam keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran (P&P). Selain itu, aspek keperibadian juga merupakan faktor atau penyebab kepada kecemerlangan seseorang guru. Keperibadian ini dapat ditonjolkan dan dipraktikkan melalui keperibadian terhadap Allah S .W. T, diri sendiri atau penampilan dan keperibadian terhadap pelajar. Hal ini kerana, setiap tingkah laku dan perbuatan guru menjadi ikutan dan contoh teladan kepada pelajar. Justeru, keperibadian yang mulia seharusnya dimiliki oleh setiap orang guru apatah lagi guru Pendidikan Islam. Di samping itu, kemahiran dan kecekapan seperti pengurusan, komunikasi, ICT, penulisan, berbahasa, merawat dan seni juga merupakan antara elemen penting dalam penentuan kualiti dan kecemerlangan seseorang

guru.



Rajah 2 Model guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) menurut Kamarul Azmi Jasmi (2010)

Selain itu kajian yang dijalankan oleh Abdull Shukor Shaari (2008) menghasilkan model guru berkesan yang dilihat dari beberapa aspek atau sudut yang penting iaitu dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru itu sendiri. Model ciri guru berkesan yang dihasilkan ini mengambil berat beberapa aspek, iaitu pengajaran, peribadi, komunikasi, motivasi guru, ilmu pengetahuan dan pengurusan bilik darjah sebagaimana Rajah 3 dibawah.



Rajah 1.3 Model Guru Berkesan menurut Abdull Sukor Shaari (2008)

Rajah 3 Model guru berkesan menurut Abdull Sukor Shaari (2008)


Guru berkesan atau berkualiti menurut Abdull Sukor Shaari (2008) ialah bermula dari pengajaran dan pembelajaran yang berkesan yang mana seseorang guru haruslah memberikan penekanan kepada empat perkara penting dalam pengajaran iaitu perancangan pengajaran, penyampaian, penilaian dan dorongan. Kualiti peribadi guru yang berkesan juga penting dalam pembentukan guru berkesan selain komunikasi guru yang berkesan seperti penggunaan bahasa yang jelas dan mudah difahami oleh pelajar. Selain itu, keyakinan diri dan motivasi yang tinggi juga perlu ada pada seseorang guru agar dapat membimbing dan memotivasikan pelajar. Pengurusan bilik darjah merupakan elemen penting dalam menentukan keberkesanan seseorang guru di samping mempunyai ilmu pengetahuan tentang isi kandungan matapelajaran yang diajarkan dan juga pengetahuan

pedagogi seperti kemahiran set induksi, kemahiran penyolaan, kemahiran memberi penegasan dan sebagainya. Justeru, seseorang guru yang berkualiti dan berkesan semestinya memiliki kesemua ciri atau aspek yang telah dibincangkan ini.

## MODEL BARAT

Sebagaimana yang digambarkan dalam rajah 4 merupakan model P&P Dunkin dan Biddle (1974). Tahap pengajaran seseorang guru samada berkesan atau tidak mengikut model ini bergantung kepada lima faktor yang utama seperti berikut:

- (1) Guru: kemampuan seseorang guru dalam melaksanakan P&P berkesan bergantung kepada personaliti, kemahiran mengajar, gaya pengajaran dan keperibadian.
- (2) Pelajar: kejayaan pengajaran guru bergantung kepada pelajar. Keberkesanan P&P bergantung kepada personaliti diri, cara belajar, motivasi dan sikap.
- (3) Faktor sekolah dan bilik darjah: Iklim sekolah, kepelbagaian ras dan saiz sekolah merupakan antara faktor sekolah yang meningkatkan keberkesanan P&P. Manakala faktor bilik darjah pula terdiri daripada saiz kelas, peralatan, kemudahan serta iklim kelas.
- (4) Proses P&P yang berlaku di dalam kelas: proses ini melibatkan tingkah laku guru dan pelajar.
- (5) Produk: kejayaan guru mengubah pelajar dalam bentuk perubahan jangka pendek dan panjang merupakan kayu ukur kepada keberkesanan P&P.



**Rajah 4** Model P&P Dunkin & Biddle (1974)

Model guru berkualiti yang terakhir dapat dilihat dalam model pengajaran yang dikemukakan oleh Shulman (1986) dalam rajah 1.5 dibawah.



Sumber: diubahsuai daripada Ahmad Yunus Kasi dan Ab. Halim Tamuri (2010)

**Rajah 1.5** Model Pengajaran Shulman (1986)

Model pemikiran dan tindakan pengajaran atau *pedagogical reasoning and action* merupakan model pengajaran yang dikemukakan oleh Shulman (1986). Model ini adalah bertujuan untuk menjelaskan bagaimana guru herfikir dan bertindak bagi menterjemah pengetahuannya mengenai mata pelajaran yang diajar kepada bentuk-bentuk pengetahuan yang dapat difahami oleh pelajar (Shuhanida Ayub & Ab. Halim Tamuri, 2011). Antara teras atau asas pengetahuan yang perlu dimiliki oleh seseorang yang bergelar guru atau pendidik dalam menyampaikan P&P sesuatu mata pelajaran ialah pengetahuan tentang isi kandungan, pengetahuan mengenai pedagogi, pengetahuan tentang kurikulum dan juga pengetahuan mengenai ciri-ciri pelajar.

## PENUTUP

Kertas kerja ini telah membincangkan lima model kualiti guru dari tokoh Pendidikan Islam dan tokoh pendidikan Barat. Model tersebut adalah dari perspektif Imam al-Ghazali (t.th), Kamarul Azmi Jasmi (2010), dan Abdull Sukor Shaari (2008) dari tokoh Pendidikan Islam. Selain itu model yang diketengahkan oleh Dunkin dan Biddle (1974) dan Shulman (1986) juga telah dibincangkan dengan panjang lebar. Hasil perbincangan model ini, jelaslah bahawa guru memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Guru adalah orang yang diharapkan dapat mendidik dan membentuk generasi yang akan datang. Justeru itu, model-model guru berkualiti dari perspektif tokoh pendidikan Islam dan Barat ini mampu dijadikan panduan dan ukuran dalam menentukan dan menghasilkan kecemerlangan serta peningkatan kualiti seseorang guru.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi. 2010. *Isu Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*.  
 Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (pnyt). dalam *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi, UKM.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaludin, Zamri Abdul Rahim, Khadijah Abdul Razak. 2004. *Reberkesanan Kaedh Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan: UKM.
- Abdul Halim al-Muhammadi. 1991. *Falsafah Pendidikan Islam: Satu Perspektif Baru Dalam Pendidikan Islam Peranan Dalam Pembangunan Ummah*. Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah.

- Abdull Sukor Shaari. 2008, *Guru Berkesan Petua dan Panduan*, Sintok, penerbit UUM.
- Ahmad Mohd Salleh, 2008, *Pengajian Agama Islam & J-Qaf Metodologi Dan Pedagogi Pendidikan*, Selangor: Oxford Fajar.
- Ahmad Yunus Kasi dan Ab. Halim Tamuri. 2010. Pengetahuan pedagogical kandungan (PPK) pengajaran akidah: kajian kes guru cemerlang pendidikan islam. *Journal of Islamic & Arabic education* 2 (2): 13-30
- Al- Ghazali imam Abu Hamid, t.th. *Ihya' ulum al- din*. Jil. 1-8. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- Dunkin M. J. dan Biddle B. J. 1974. *The Study of Teaching* New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Kamaruddin Hussin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2003. *Pedagogi Untuk Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Fauziyani Md. Saleh. 2007. *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2009. *Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar*. Jurnal Teknologi 51(E): 57- 71.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. *Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. Journal of Islamic & Arabic Education 3 (1), 59-74.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Lucas S. G. dan Bernstein D. A. 2005. *Teaching Psychology A Step By Step Guide*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying dan Wong Kiet Wah 2010. *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru (Siri Pendidikan Guru)*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Shulman L. S. 1987. Knowledge and Teaching: Foundation of The New Reform. Harvard Educational Review.
- Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Miskon. 2010. *Guru Dan Cabaran Semasa*. Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab Halim Tamuri, Isahak Othaman, Mohd Sabri Mamat 2009. Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM, *Journal Of Islamic And Arabic Education* 1 (2), 31-50.